



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08.11.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	TNB			

Harian Metro | Selasa 08.11.2022



19

lokal

**Suara Anda,
Kami Dengar**

Jika ada sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsikan ke alamat e-mel [Suara Anda, Kami Dengar di:](mailto:suara_anda@kamidengar.com)

MASALAH PARKIR DI PPR SERI SEMARAK

Tunggu kelulusan DBKL, TNB

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pembinaan parkir di Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak, Setapak di sini, akan dilaksanakan sebaik mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Tenaga Nasional Roehd (TNR).

Jurucakap SkyWorld Development Berhad berkata, seperti yang dibincangkan sebelum ini, pihaknya akan menyediakan sekurang-kurangnya 452 petak parkir.

Menurutnya, perbincangan sudah dibuat antara pihaknya dengan Jabatan Perancangan Infrastruktur pada tahun lalu bersama wakil penduduk selepas DBKL memberi kebenaran kepada syarikat untuk membina parkir di kawasan talian ren-
ganjang 45 petak parkir.

"Pihak syarikat juga sudah mendapatkan kelulusan pe-

Pihak syarikat juga sudah mendapatkan kelulusan penyewaan secara lesen pendukungan sementara (TOL) daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) pada 28 April 2022 untuk membina kawasan parkir buatan."

Jurucakap SkyWorld Development Berhad

nyewaan secara lesen pendudukan sementara (TOL) daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) pada 28 April 2022 untuk membina kawasan parkir berkenaan.

"Tetapi sehingga kini, pihak kami masih menunggu kelulusan daripada DBKL dan TNB," katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan masalah parkir

di PPR Seri Semarak. Setapak di sini semakin kritisikal terutama selepas pembinaan beberapa kondominium di kawasan berdekatan.

Penduduk bukan sahaja kehilangan parkir mereka yang dianggarkan lebih 400 petak disebabkan pembangunan sekitar, malah turut disaman Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Isu parkir yang seharusnya diselesaikan kini seolah-olah tiada jalan penyelesaian apabila janji diberikan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemaju dibiarakan tanpa noktah.

Dalam pada itu, SkyWorld berkata, pihaknya melaksanakan parkir berbayar dan hasil bayaran itu akan digunakan untuk penyelenggaraan kawasan parkir.

Menurutnya, berdasarkan pelan susun atur yang diserahkan kepada DBKL untuk kelulusan, jumlah petak parkir yang dapat dicapai

parkir yang dapat disediakan kelak adalah 452 petak.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my